


PERMOHONAN LESEN (KEGUNAAN PEJABAT)

- TIDAK BERISIKO (Kelulusan 1 Hari Bekerja)
 BERISIKO

KEGUNAAN PEJABAT	
RUJUKAN FAIL	
NO. AKAUN	



BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN & IKLAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR



ARAHAN

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas
2. Tandakan (✓) dalm kotak berkenaan
3. Pastikan **Cukai Taksiran Harta** premis yang hendak dipohon sehingga yang terkini telah dijelaskan

PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA AKAN DITERIMA UNTUK DIPROSES
(Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di penjuru atas sebelah kanan dokumen tersebut)

DIISI OLEH PEMOHON (✓)	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; text-align: center;">ADA</td> <td style="width: 50%; text-align: center;">TIADA</td> </tr> </table>	ADA	TIADA
ADA	TIADA		

1. Satu (1) salinan Kad Pengenalan/Pasport/Dokumen Pengenalan yang sah
2. Salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM)
 - Borang A & D (Enterprise)
 - Akta Syarikat 1965, Borang 9, Borang 24, Borang 49 (Sendirian Berhad)
3. Gambar berwarna keadaan luar (hadapan) dan ruang perniagaan dalam premis perniagaan
4. Lakaran / Visual Papan Iklan yang disahkan pihak DBP

	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> <td style="width: 50%; height: 50px;"></td> </tr> </table>		

Dokumen-dokumen tambahan (jika berkenaan)

5. Pelan lokasi Perniagaan / Koordinat
6. Surat kelulusan Pelan Bangunan / Permit Bangunan Sementara
7. Surat Kelulusan KM / KMT
8. Salinan Sijil CCC / CFO
9. Salinan Hakmilik / Perjanjian Sewaan / LPS

	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		

Syarat bagi permohonan yang melibatkan aktiviti perniagaan makanan dan/atau minuman (wajib dipatuhi dalam tempoh masa 3 hari selepas kelulusan)

10. Salinan Sijil Suntikan TY2 (Pengendali Makanan sahaja)
11. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan

	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> <td style="width: 50%; height: 30px;"></td> </tr> </table>		

BORANG TELAH DISEMAK OLEH :

Tidak lengkap & dikembalikan

Lengkap & diterima

.....
(Tandatangan & Cop)

Tarikh :

Ulasan / sokongan / kebenaran daripada jabatan/ agensi jika melibatkan aktiviti perniagaan berkaitan :-

- a) **Menjual racun rumpai & pokok serta baja**
✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Jabatan Pertanian** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- b) **Ladang ternakan kuda / ayam / ikan dan lain-lain haiwan**
✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Jabatan Perkhidmatan Veterinar** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- c) **Kedai ubat / menjual ubat tradisional / Perkhidmatan Hemodialisis**
✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Kementerian Kesihatan Malaysia** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- d) **Rawatan tradisional Melayu / Perubatan tradisional Cina / Perubatan tradisional India / Homeopati / Kiropraktik / Osteopati / Amalan Perubatan Islam (BAD)**
✓ Sila daftarkan perniagaan di **Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- e) **Kedai dobi**
✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran **LPG, ATI & ATO** daripada **Suruhanjaya Tenaga** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- f) **Perusahaan Percetakan Kertas**
✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Kementerian Dalam Negeri** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- g) **Jenis perniagaan yang menghasilkan bunyi & bau yang tidak menyenangkan dan berterusan (cth : kimpalan / potong besi / mengetuk kenderaan / bengkel kenderaan / menyalai atau memanggang daging khinzir)**
✓ Tidak dibenarkan beroperasi di premis yang berhampiran perumahan awam
- h) **Pusat tuisyen / Institusi mengajar swasta**
✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Pejabat Pendidikan Daerah** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- i) **Segala jenis perniagaan berasaskan perusahaan / kilang**
✓ Hanya dibenarkan beroperasi di kawasan industri kecuali dengan kebenaran **Datuk Bandar / Yang Dipertua**
- j) **Lain-lain perniagaan / perusahaan yang memerlukan ulasan & sokongan jabatan/agensi**

.....
.....

BAHAGIAN I**MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON / SYARIKAT**

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Alamat Surat Menyurat :
4. No. Tel Pejabat : Faks :
H/P : E-mail :
5. Bangsa : Melayu Cina India Lain-lain (Nyatakan:)
6. Jantina : Lelaki Perempuan
7. Nama Perniagaan yang didaftarkan :
8. No Pendaftaran :
9. Alamat Premis Perniagaan :

10. Jenis Perniagaan (Tandakan)
- Milikan Tunggal (Enterprise)
 Sendirian Berhad
 Berhad / Awam Berhad
 Koperasi
 Lain-lain
(Nyatakan:.....)
11. Kedudukan Premis (Tandakan)
- Tepi (Corner / End Lot)
 Tengah
 Bangunan Tunggal

12. Jenis Bangunan (Tandakan)
- Kekal
 Separuh Kekal
 Sementara
13. Jenis Premis (Tandakan)
- Rumah Kedai
 Komplek Beli Belah
 Kawasan Industri
 Gerai Majlis

14. Masa Perniagaan : Dari _____ hingga _____

15. Tingkat di mana Premis Beroperasi (Tandakan)
- Tingkat Bawah Tanah
 Tingkat Bawah
 Tingkat Tara (Mezzanine)
 Tingkat 1
 Tingkat 2
 Lain-lain (Nyatakan :.....)
16. Syarat Kegunaan Tanah (Tandakan)
- Pertanian
 Bangunan Perniagaan
 Bangunan Kediaman
 Institusi
 Perindustrian
 Lain-lain (Nyatakan:.....)

17. Nyatakan Jenis Perniagaan di Premis Berdekatan
- Kiri : _____
Kanan : _____
Belakang : _____
Atas : _____
Bawah : _____

18. Ubahsuai bangunan (Tandakan)
- : Ada Tiada

SILA LEKATKAN VISUAL IKLAN DI SINI
(SERTAKAN BERSAMA SIJIL DEWAN BAHASA & PUSTAKA)

LAKARAN VISUAL IKLAN

SILA LEKATKAN
GAMBAR HADAPAN & DALAM BANGUNAN PREMIS

GAMBAR PREMIS

BAHAGIAN V

SYARAT-SYARAT SELEPAS KELULUSAN

1. Syarat-syarat pelesenan bagi premis bukan makanan:

- i. Memperbaharui lesen setiap tahun sebelum **31 DISEMBER** tahun semasa.
- ii. Memastikan pengedaran udara dan cahaya yang secukupnya bagi premis tersebut.
- iii. Menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap dan tidak luput.
- iv. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan diiktiraf oleh pihak Majlis. Semua sisa hendaklah dibuang di dalam tong dan **TIDAK** dibuang di dalam mana-mana longkang dan saliran.
- v. Semua peralatan di dalam premis hendaklah disusun dengan kemas. Dilarang meletakkan barang perniagaan di lorong belakang, kaki lima atau di luar kawasan premis tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Majlis terlebih dahulu.
- vi. Menyediakan alat pemadam api secukupnya.
- vii. Memastikan semua pekerja memakai peralatan keselamatan yang diperlukan.
- viii. Memastikan aktiviti perniagaan tidak menimbulkan keadaan kacau ganggu kepada persekitaran di kawasan berhampiran.
- ix. Poster atau notis "JAGA KEBERSIHAN", "DILARANG MEROKOK" atau "UTAMAKAN KESELAMATAN" hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- x. Pemasangan papan iklan hendaklah mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- xi. Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa bersih, selalu dicuci dan segala kerosakan hendaklah dibaiki dengan kadar segera.
- xii. Pemilik lesen hendaklah memastikan aspek kebersihan premis perniagaan sentiasa di ambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.
- xiii. Aktiviti perniagaan membaiki kenderaan / servis dan yang berkaitan mesti mempunyai "grease trap" (perangkap minyak).
- xiv. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan disalahguna. Semua pekerja **BUKAN WARGANEGARA** wajib mempunyai permit yang sah daripada Pihak Berkuasa. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat sebagaimana yang dinyatakan lesen perniagaan akan dibatalkan dan dirampas tanpa sebarang notis.
- xv. Memastikan bahawa aktiviti perniagaan & premis perniagaan mematuhi syarat-syarat lesen tersebut daripada jabatan/agensi kerajaan yang lain seperti JBPM, PDRM, Jabatan Kesihatan, KPDNHEP & lain-lain yang berkaitan,
- xvi. Pemilik lesen MESTI mempamerkan lesen pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian.
- xvii. Pemilik lesen hendaklah sentiasa menyimpan dan mengemaskini senarai daftar pekerja yang mengandungi maklumat nama penuh, nombor kad pengenalan / passport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, kelayakan, gambar dan lain-lain butiran berkaitan pekerja. Senarai tersebut hendaklah dikemukakan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
- xviii. Pemilik lesen **MESTI** mengibarkan bendera Negeri Johor & Bendera Malaysia apabila diarahkan khususnya pada Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Hari Kebangsaan.

2. Syarat-syarat pelesenan bagi premis makanan dan / atau minuman:

- i. Memperbaharui lesen setiap tahun sebelum 31 DISEMBER tahun semasa.
- ii. Kebersihan premis hendaklah diutamakan dengan memastikan kawasan sekelilingnya sentiasa bersih, kemas dan teratur.
- iii. Memastikan pengedaran udara dan cahaya yang secukupnya.
- iv. Menyediakan tong sampah yang sesuai. Dilarang membuang sampah merata-rata samada di luar atau di dalam premis. Penggunaan plastik sampah adalah digalakkan.
- v. Notis atau poster "JAGA KEBERSIHAN, "DILARANG MEROKOK atau "UTAMAKAN KEBERSIHAN" hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- vi. Barang-barang di premis hendaklah disusun dengan kemas dan teratur. Dilarang meletak barang-barang di lorong belakang, kaki lima atau di luar kawasan premis tanpa kebenaran pihak Majlis terlebih dahulu.
- vii. Menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap dan sentiasa dikemaskini serta tidak luput.
- viii. Tempat / bekas mencuci tangan hendaklah disediakan. Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan bersih dan diadakan *glazed tiles* setinggi 5' di sekelilingnya.
- ix. Pastikan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada persekitaran.
- x. Pekerja-pekerja yang tidak sihat dan yang mempunyai penyakit kulit **TIDAK** dibenarkan bekerja.
- xi. Semua peralatan dan perkakas hendaklah berkeadaan baik, bersih dan selamat digunakan.
- xii. Menyediakan alat pemadam api yang secukupnya dan mematuhi syarat-syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh JBPM.
- xiii. Pemilik lesen PERLU memastikan diri dan setiap pekerja dikehendaki mempunyai Buku Suntikan dan mendapat suntikan TY2 di fasiliti kesihatan pada setiap 3 tahun.
- xiv. Pemakaian apron dan penutup kepala yang bersih, kemas dan sempurna diwajibkan kepada semua pengendali makanan pada setiap masa perniagaan.
- xv. Setiap peniaga diwajibkan menghadiri Latihan Pengendalian Makanan dengan jayanya dari Institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum pihak Majlis dapat mengeluarkan atau memperbaharui lesen perniagaan.
- xvi. Semua pekerja hendaklah mengamalkan ciri-ciri kebersihan diri yang baik dan tidak dibenarkan meludah, merokok, batuk, menggaru, dan sebagainya ketika menyediakan, memasak atau menghidang makanan.
- xvii. Semua makanan yang telah dimasak dan sedia untuk dijual hendaklah ditutup dan mudah dilihat.
- xviii. Pemilik lesen dikehendaki mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengawal kehadiran haiwan/serangga perosak bawaan vektor seperti lalat, lipas, tikus yang boleh membawa penyakit.
- xix. Mempunyai 'grease trap' (perangkap minyak) yang diperakui oleh pihak Majlis.
- xx. Bukan Warganegara yang bukan beragama Islam **TIDAK** dibenarkan bekerja di premis makanan Islam.
- xxi. Lesen ini tidak boleh dipindahmilik dan disalahguna. Semua pekerja BUKAN WARGANEGARA wajib mempunyai permit yang sah daripada Pihak Berkuasa. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat sebagaimana yang dinyatakan lesen perniagaan akan dibatalkan dan dirampas tanpa sebarang notis.

- xxii. Memastikan bahawa aktiviti perniagaan & premis perniagaan mematuhi syarat-syarat lesen tersebut daripada jabatan/agensi kerajaan yang lain seperti JBPM, PDRM, Jabatan Kesihatan, KPDNHEP & lain-lain. Sekiranya berlakunya pelanggaran syarat sebagaimana yang dinyatakan lesen perniagaan akan dibatalkan dan dirampas tanpa sebarang notis.
- xxiii. Pemilik lesen MESTI mempamerkan lesen pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian.
- xxiv. Pemilik lesen hendaklah sentiasa menyimpan dan mengemaskini senarai daftar pekerja yang mengandungi maklumat nama penuh, nombor kad pengenalan / pasport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, kelayakan, gambar dan lain-lain butiran berkaitan pekerja. Senarai tersebut hendaklah dikemukakan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
- xxv. Pemilik lesen **MESTI** untuk mengibarkan bendera Negeri Johor & Bendera Malaysia apabila diarahkan khususnya pada Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Hari Kebangsaan.

BAHAGIAN V
PENGAKUAN PEMOHON

1. Saya bersetuju untuk bayaran lesen perniagaan sebagaimana tempoh berikut (*Tandakan √*):
 setahun (1) tahun
 dua (2) tahun
 tiga (3) tahun
2. Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah telus dan benar.
3. Saya berjanji akan menyerahkan semula lesen ini jika didapati maklumat yang diberikan ini tidak benar dan palsu.
4. Saya berjanji mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan sekiranya permohonan ini diluluskan.
5. Saya bersetuju dan memberi izin kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bagi pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, penyimpanan dan pengemukaan maklumat peribadi saya kepada pihak-pihak berkuasa yang lain menurut kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, secara berterusan untuk tujuan yang ditetapkan. Sekiranya saya tidak bersetuju untuk perkara tersebut dilaksanakan ke atas maklumat peribadi saya, saya akan maklumkan secara bertulis. Kegagalan saya untuk berbuat demikian menyatakan bahawa saya tidak mempunyai sebarang bantahan.

.....
(Tandatangan Pemohon
& Cop Syarikat)

.....
Tarikh